

21 OCT 1996

DR MAHATHIR RASMI CEPSEI

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Persidangan Industri Pembekalan Tenaga Elektrik ke-11 (Cepsi) di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Persidangan dan pameran lima hari itu, yang bermula hari ini, disertai kira-kira 2,000 wakil dan 96 syarikat daripada semua sektor industri tenaga elektrik. Ia merupakan acara terbesar Cepsi.

Persidangan itu antara lain membincangkan perkara-perkara teknikal serta isu-isu peraturan, kadar bayaran, perjanjian jual beli tenaga elektrik serta keadaan dan keperluan industri itu.

Tenaga Nasional Berhad menjadi tuan rumah persidangan itu.

Sebelum ini, Cepsi diadakan di Christchurch, New Zealand. -- BERNAMA

AFY NAK